



FIKIR DAN JAWAB

A. Susun pernyataan di bawah mengikut urutan yang betul.

☐ Ketidakseimbangan sosioekonomi telah menimbulkan rasa tidak puas hati dan curiga dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

☐ Perselisihan faham dan perbalahan kaum telah berlaku pada 13 Mei 1969.

☐ Kegiatan ekonomi yang berasaskan kaum telah menjadikan kedudukan sosioekonomi masyarakat tidak seimbang.

☐ Rukun Negara telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970.

☐ MAGERAN telah memperkenalkan Rukun Negara.

☐ Pihak British telah mengamalkan dasar atau pendekatan pecah dan perintah semasa menjalankan pentadbiran di Persekutuan Tanah Melayu.

NOTAGURU

- Bimbing murid menjawab soalan dengan betul.





FIKIR DAN JAWAB

B. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Secara umumnya, rakyat Malaysia mempunyai pegangan agama. Prinsip _____ kepada Tuhan menyatupadukan masyarakat berbilang kaum. Oleh itu, masyarakat seharusnya _____ amalan keagamaan masyarakat lain.

Setiap warganegara Malaysia perlu memberikan _____ kepada Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara. Pada peringkat negeri pula, rakyat dikehendaki memberikan taat setia kepada _____ yang menjadi simbol _____ rakyat. Ketidaksetiaan kepada raja bermaksud _____ kepada negara.

Kesopanan dan kesusilaan merupakan nilai _____ yang perlu ada dalam setiap anggota masyarakat. Nilai murni tersebut melambangkan _____ seseorang individu. Pengamalan nilai murni dapat menjamin _____ masyarakat yang harmoni dan saling _____ dalam masyarakat pelbagai kaum.

☐ raja

☐ penyatuan

☐ keperibadian

☐ taat setia

☐ penderhakaan

☐ kehidupan

☐ menghormati

☐ kepercayaan

☐ menyayangi

☐ murni

NOTAGURU

- Bimbing murid mencari jawapan yang betul berdasarkan soalan yang diberikan.

